

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 25 RABU 24 JUN 1970 1390 ربيع الاخير 19 رابو PERCHUMA



Y.A.M. Pengiran Setia Raja
Pengiran Jaya

SIDANG KESELAMATAN JALAN RAYA ANTARA BANGSA:

BRUNEI SHORKAN PROPAGANDA YANG BERCHORAK PELAJARAN

SINGAPURA. — Timbalan Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid telah beruchap mengenai berbagai langkah keselamatan yang di-ambil oleh pulis untuk mengurangkan kemalangan lalu lintas di-Brunei.

Timbalan Pesuruhjaya Pulis itu beruchap dalam Persidangan Keselamatan Jalan Raya Antara Bangsa yang sedang berlangsung di-Republik Singapura.

Beliau ada-lah mengetuai satu rombongan sa-ramai tiga orang dari negeri ini. Lain2 anggota ia-lah Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Sidek bin Yahya dan Pengiran Zohari bin Pengiran Ahmad, Pegawai Pengeluar Lisen, Jabatan Kenderaan Darat.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya berkata, kechuali beberapa perkara kechil, undang2 keselamatan jalan raya di-Brunei ada-lah sangat baik hendak-lah di-kuatkuasakan.

Beliau telah menhadangkan bagi di-adakan propaganda yang berchorak pelajaran, kemudian di-ikuti dengan langkah mengesan kesalahan2 jenayah jalan raya.

Timbalan Pesuruhjaya Pulis itu juga telah menhadangkan di-kenakan hukuman berat ka-atas pemandu2 kereta yang melakukan kesalahan yang berkeras tidak mengindahkan undang2 keselamatan sa-bagai chontoh kepada lain2 pemandu.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya mensifatkan peranan pulis dalam melaksanakan langkah2 keselamatan jalan raya sa-bagai orang2 yang menjalankan tindakan bagi mengurangkan kemalangan jalan raya.

Menyentuh tentang kema-

langan lalu lintas di-Brunei, beliau berkata, sa-ramai 13 orang telah mati, 11 chedera parah dan 287 chedera ringan dalam tahun 1969.

Kata-nya, jumlah kenderaan yang di-daftar di-Brunei juga semakin bertambah dalam tahun2 yang lalu dan kemungkinan berlaku-nya kemalangan lalu lintas ada-lah bertambah dari 1 dalam 866 dalam tahun 1967 kepada 1 dalam 514 dalam tahun 1969.

Beliau berkata, angka kemalangan yang paling tinggi ia-lah ka-atas orang2 yang berjalan kaki dan penumpang2 dan jumlah kematian yang paling banyak ia-lah dari kumpulan orang2 yang berjalan kaki.

Timbalan Pesuruhjaya Pulis itu telah mengshorkan supaya di-asingkan antara orang2 yang berjalan kaki dan kereta, sama ada pada pegasingan masa atau jalan supaya orang2 yang berjalan kaki dan kereta tidak berada di-tempat yang sama pada masa yang sama.

Bagaimana pun pada satu perengkat ini telah di-chapai di-Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait, di-mana tempat2 orang yang berjalan kaki di-kawasan kedai di-buat lebih tinggi sedikit dari jalan raya.

Kesalahan memberi suap boleh di-hukum penjara

BANDAR BRUNEI. — Pe-hak pulis memberi amaran kepada orang ramai terhadap perchubaan untuk memberi suap kepada anggota2 pulis bagi mendapat pengampunan atas kesalahan yang mereka lakukan.

Hukuman penjara selama hingga 18 bulan atau denda atau kedua2-nya akan di-kenakan ka-atas sesiapa yang melakukan kesalahan tersebut sama ada wang yang di-berikan itu satu ringgit atau sa-ribu ringgit.

Pegawai Pemeranah Jenayah, Superintendent Reynolds berkata, dalam masa lima bulan yang lalu 18 orang telah di-jatuhkan hukuman kerana chuba hendak memberi suap atau rasuah kepada pegawai2 pulis.

Wang itu di-berikan sa-bagai pujukan untuk menghalang pegawai2 pulis dari menchatetkan nama mereka kerana melakukan kesalahan2, kebanyakan kesalahan2 kechil melanggar peratoran jalan raya.

Ada-lah satu kesalahan besar memberi suap atau chuba hendak memberi suap kepada pegawai2 kerajaan, dan orang ramai yang memberi suap kepada pegawai2 kerajaan sa-bagai hadiah boleh di-tangkap dan di-tuduh melakukan perbuatan jenayah.

Awang Reynolds berkata, ramai-nya orang yang di-hukum tahun ini menunjukkan bahawa sa-tengah2 dari orang ramai tidak menyedari akan hukuman yang akan di-terima mereka jika mereka di-dapati salah.

PG. SITI ZUBAIDAH MANGKAT

BANDAR BRUNEI. — Yang Mulia Pengiran Siti Zubaidah ibni Al - Marhum Duli Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman telah meninggal dunia pada pagi hari Insin lepas.

Jenazah Al-Marhumah telah di - perkebunikan di-Makam Di-Raja pada sa-belah tengah

hari itu juga.

Al-Marhumah Pengiran Siti Zubaidah ia-lah kekanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Beri Begawan Raja.

Untuk menghormati kemangkatan Al-Marhumah itu istiadat berkabung selama tiga hari di-ishtiharkan di-negeri ini.

Perarakan kereta basikal dan tanglong hari keputeraan D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Perarakan tanglong, kereta2 dan basikal2 berhias akan di-adakan sa-bagai sa-bahagian dari ranchangan perayaan sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam bulan depan.

Peraduan kereta2 dan basikal2 berhias ada-lah terbuka kepada jabatan2 kerajaan, persatuan2, sharikat2 perniagaan dan orang ramai.

Perarakan tanglong ada-lah terbuka kepada persatuan2 belia dan kebajikan, maktab2, sekolah2 menengah dan rendah, kampong2 dan jabatan2 kerajaan.

Borang2 untuk memasoki peraduan2 itu boleh di-dapati dari Pengurus Jawatankuasa Pertandingan tersebut Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Badar, di-alamatkan Perkhidmatan Perubatan Bandar Brunei atau dari Setia Usaha-nya Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Damit di-Pejabat Penchin Negara, Bandar Brunei.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kepada setiausaha pertandingan tidak lewat dari pukul 2.00 petang 4 Julai.

Majlis penyampaian sijil2 kelas dewasa

BANDAR BRUNEI. — Saramai 39 orang pelajar2 kelas dewasa di-Daerah Brunei telah menerima sijil2 mereka dalam dua majlis yang berasingan pada mingu lepas.

Nadzir Pelajaran Dewasa Awang Abdul Hamid bin Othman telah menyampaikan sijil2 itu kepada 14 orang dalam satu majlis yang di-adakan di-Sekolah Melayu Dato Gandhi.

Tujuh orang dari pelajar2 itu lulus peringkat permulaan dan tujuh orang lulus peringkat tertinggi.

Sementara itu, Nadzir Bahasa Melayu Di-Sekolah2 Misi Awang Abdullah bin Ali Hashim juga telah menyampaian sijil2 yang sama kepada 25 orang pelajar2 dewasa yang lulus peringkat permulaan di-Sekolah Melayu Mulaut.

Pelajaran kelas dewasa itu di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.



Gambar atas menunjukkan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Mohammad Taha sedang menziarahi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan setelah selesai istiadat mengurniakan gelaran kepada beliau pada minggu lepas. Sementara gambar bawah

kelihatan Yang Di-Mulia-kan Pehin Kapitan China Kurnia Di-Raja, Awang Lim Teck Ho sedang menapakkan gangsa sireh kabahu Yang Di - Muliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Di-Raja Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Abdul Rahman.

Kedua2 istiadat mengurniakan gelaran Pehin itu telah berlangsung di-Lapau, Bandar Brunei.



Badminton: IBB menangi tempat ketiga

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Ikatan Belia Berakas telah mengalahkan Persatuan PERWIRA dengan tiga perlawanan berbalas dua dalam pertandingan badminton antara Persatuan2 Belia di-Daerah Brunei/Muara dan Temburong yang berlangsung di-Pusat Belia, Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

Dengan kemenangan itu, Persatuan Ikatan Belia Berakas telah berjaya mendapat tempat ketiga untuk memenangi piala rebutan yang di-ha-

diahkan oleh Yang Di-Pertua Persatuan KEKAL, Awang Zakaria bin Haji Sulaiman.

Pertandingan akhir antara Persatuan Pemuda Pemuda Sultan Lama dengan Persatuan Melayu Temburong bagi memilih johan dan naib johan akan di-adakan dalam bulan Julai hadapan ia-itu sa-bagai salah satu acara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke -24 tahun.

Majlis perjumpaan tahunan

BANDAR BRUNEI. — Satu perjumpaan tahunan ahli2 Persatuan PERKASA Kampong Saba, telah di-adakan pada hari Juma'at 19 Jun, bertempat di-rumah persatuan itu.

Dalam perjumpaan itu telah di-adakan beberapa persembahan yang berchorak agama, termasuk bacaan Quran dan persembahan nashid.

Majlis perjumpaan itu juga telah membincangkan berbagai perkara termasuk satu chadangan penubuhan sa-buah sharikat kerjasama.

Sementara itu Badan Hadrah Tunas Raja Muda juga telah mengadakan mashuarat pada hari itu. Mashuarat itu ia-lah bagi merundingkan penyertaan persatuan itu dalam ranchangan kerana merayakan ulang tahun hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, bulan hadapan.

13 pasokan sertai perlawanan bola sepak

KUALA BELAIT. — Sa-banyak 13 pasokan dari persatuan2 belia dan kelab2 di-negeri ini, akan mengambil bahagian dalam perlawanan bola sepak anjoran Persatuan Belia Belait tahun ini, ia-itu bersempena menyambut ulang tahun hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Perlawanan itu akan di-jalankan chara kalah mati.

Perlawanan pertama telah di-langsungkan pada 20 Jun antara pasokan Sungai Kedayan dan Ikatan Belia Berakas, di-padang KBRC Kuala Belait.

Sambutan Jubilee Intan

SERIA.—Persatuan Pandu Puteri Daerah Belait telah menyambut hari Jubilee Intan Pergerakan Pandu Puteri, dengan mengadakan satu pertunjukan kerja2 mereka di-Rumah Pandu Puteri Seria pada hari Ahad, 21, Jun.

Sambutan itu di-ikuti dengan satu temasha unggun api di-ibu Pejabat Pandu Puteri Seria.

Temasha itu di-hadhiri oleh Pandu2 Puteri dari seluruh negeri.

SA-BAGAIMANA yang kita ketahui bahawa pada masa ini maseh lagi sekolah2 Melayu satu demi satu mengadakan Hari Pelajar yang di-maksudkan untuk memberi peluang kepada ibu bapa atau penjaga murid2 menyaksikan sa-hingga mana kemajuan anak2 di-dalam menerima pelajaran2 yang di-hamburkan oleh guru2 mereka di-sekolah2.

Jika di-pandang dengan mata kasar, Hari Pelajar ini tidak-lah ada erti-nya kepada ibu bapa kerana sudah tentu apa2 yang di-buat atau di-tunjokkan sa-masa Hari Pelajar itu telah di-ator dengan baik dan lichen yang mana akan mendatangkan kebaikan kepada sekolah itu dalam menjalankan tugas2 guru mengajar murid2, tetapi jika ibu bapa dapat menyaksikan apa yang di-buat oleh murid atau guru sa-masa Hari Pelajar dan di-bandingkan dengan hari2 lain dengan melihat apa yang di-dapati oleh anak2-nya apabila balek sekolah. Maka tentu-lah ibu bapa dapat menanyakan apakah sebab2-nya jika di-dapati pelajaran anak2 itu berbedza dengan apa yang di-lihat chara sa-masa Hari Pelajar, dengan lain perkataan ibu bapa dapat memerhati sama ada anak2 belajar dengan betul atau tidak atau ada-kah guru melalaikan kewajipan-

Hari Pelajar merupakan peluang ke-emasan bagi ibu2 bapa

KHUTBAH JUMA'AT

nya sa-bagai yang telah ditanggung - jawabkan di-dalam memberi pelajaran kepada murid2-nya.

Sekolah Melayu ada-lah asas pelajaran anak2 di-masa akan datang, kerana sekolah Melayu mereka dapat mengenal huruf2 dan angka2 dan sa-terusnya menulis dan membacha dan ini-lah perkara2 yang mustahak jika sa-kira-nya anak2

itu tidak di-beri ilmu asas ini sudah tentu anak2 itu tidak akan mendapat kemajuan di-dalam ilmu2 lain. Perkara ini dapat kita dasarkan di-dalam peristiwa turun-nya wahi yang pertama yang mana menunjokkan bahawa menulis dan membacha itu ada-lah kunci segala ilmu, yang berbunyi:

"Ek-ra bismi - rabbikal - lazi-khalak. Khalakal insana min 'alak. Ek-ra warabbukal-akram. Al-lazi 'al-lamma bil qalam. 'Al-lamal insana malam ya'alam." Maksud-nya;

"Bacha-lah dengan nama Tohan engkau (ya Mohammad) yang menjadikan manusia dari sa-kumpul darah. Bacha-lah! dan Tohan engkau itu maha pemurah. Yang mengerjakan dengan pena, Mengajar-kapada manusia apa yang mereka belum mengetahui."

Kita tidak mahu membiarkan bangsa kita mundur atau ketinggalan zaman!. Kita tidak mahu chakap2 dan kata2 sangat yang di-keluarkan oleh pemimpin2 tinggal kata2 sahaja, tetapi kita mahu buat, kita

mahu sedar dan menyesali apa yang telah berlaku dan supaya anak2 kita jangan menyesal di-masa akan datang sa-bagaimana kita menyesal pada masa ini.

Dari itu hendak-lah kita sama2 menjaga dan memerhati tiap2 hari anak2 kita apabila balek sekolah serta memeriksa segala buku2-nya sama ada betul dia telah mendapat pelajaran atau tidak, jangan sampai telah mendapat buku kemajuan di-akhir tahun baru berjumpa guru, atau baru bertanya kepada anak2 tentang mengapa tidak lulus atau mengapa dapat markah rendah sa-bagai-nya.

Dengan ada-nya kita mengambil berat daripada mula-nya, mudah2an anak2 bangsa kita akan maju dan dari dasar ini sudah kena-lah pada masa-nya Pejabat Pelajaran membuat dasar dan memberi peluang kepada ibu bapa supaya melihat anak2 mereka menerima pelajaran di-sekolah2 disamping berkenal2an dengan guru2 anak itu di-hari pelajar.

Wakil2 Daerah Tutong ka-peraduan perengkat akhir

TUTONG. — Pertandingan membacha Quran dan sharahan agama Daerah Tutong bagi sekolah2 agama di-daerah itu telah di-adakan di-padang Bukit Bendera di-Tutong pada hari Sabtu lepas.

Pertandingan itu telah di-rasmikan pembukaan-nya oleh Pegawai Daerah Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh dan isteri beliau Pengiran Siti Zubaidah telah menyampaikan hadiah2.

Sa-ramai enam belas orang murid lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Keputusan2 peraduan adalah seperti berikut.

Membacha Quran bahagian lelaki: Pertama — Awang Yusof bin Marsal dari Sekolah Persediaan Inggeris Tutong dan kedua Awang Ishak bin Haji Manaf dari Sekolah Melayu Abdul Rashid, Tanjong Maya.

Membacha Quran bahagian perempuan: Pertama — Dayang Faridah binte Abu Hani-fah dari Sekolah Melayu Muda Hashim dan kedua Dayang Janis binte Ali dari Sekolah Melayu Jerudong.

Awang Muhammad bin Ahad dari SMMP Tutong dan Dayang Tengah binte Tuan dari Sekolah Melayu Birau

masing2 telah mendapat tempat pertama dalam bahagian sharahan agama.

Enam orang murid yang terpilih itu akan mewakili Daerah Tutong di-pertandingan membacha Quran dan sharahan agama perengkat negeri yang akan di-adakan dalam bulan depan.

Sementara itu, enam orang murid dari sekolah2 Agama dalam kawasan Brunei Satu telah di-pilih untuk mewakili sekolah2 itu ka-pertandingan membacha Quran dan sharahan perengkat Daerah Brunei-Muara.

Awang Rosli bin Haji Bakar, Awangku Aziz bin Pengiran Damit, Dayang Sadiyah binte Metussin dan Dayang Salmah binte Ladi akan mewakili dalam pertandingan membacha Quran sementara Awang Osman bin Damit dan Malai Noridah binte Sheikh Mohammad akan mewakili dalam peraduan sharahan agama.

Ke-enam2 orang murid itu telah di-pilih dalam satu pertandingan yang telah di-adakan di-Madrasah, Bandar Brunei pada hari Juma'at lepas.

Sa-ramai 78 orang murid lelaki dan perempuan dari 24 buah sekolah agama di-kawasan itu telah mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Sambutan Maulud Nabi

BANDAR BRUNEI. — Penduduk2 dan penutut2 Sekolah Agama di-Kampong Kiarong, pada hari Juma'at lepas telah mengadakan satu perjumpaan di-Sekolah Melayu Kiarong untuk menyambut kelahiran Nabi besar kita Mohammed s.a.w.

Di-antara persembahan yang telah di-adakan di-majlis sambutan itu ia-lah bacaan Al-Quran, nashid dan marhaban.

Pada hari itu penuntut2 kelas2 dewasa agama Kampong Anggerik Desa, juga menyambut Maulud Nabi dengan mengadakan satu perhimpunan, di-Sekolah Melayu Anggerik Desa.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 24 Jun 1970 hingga ka-hari Selasa 30 Jun 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
24 Jun	12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09
25 Jun	12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09
26 Jun	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53	6-10
27 Jun	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53	6-10
28 Jun	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53	6-10
29 Jun	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53	6-10
30 Jun	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53	6-10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



24hb. Jun. 1970.

KESELAMATAN JALAN RAYA

D¹ - PERSIDANGAN keselamatan jalan raya antara bangsa yang berlangsung di-Singapura, perwakilan Brunei telah membuat chadangan2 yang pada umum-nya bertujuan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya.

Antara chadangan2 yang di-suarakan oleh perwakilan Brunei itu ialah mengshorkan supaya di-adakan propaganda yang berchorak pelajaran; langkah mengesan kesalahan2 jenayah jalan raya yang lebeh meyakinkan; mengenakan hukuman berat ka-atas pemandu2 kereta yang melakukan kesalahan atas kedegilan mereka tidak mengindahkan undang2 keselamatan sa-bagai contoh kepada lain2 pemandu.

Timbalan Pesuruhjaya Polis Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya yang mengetuai perwakilan Brunei di-persidangan itu telah mensifatkan peranan polis dalam melaksanakan langkah2 keselamatan jalan raya ini sa-bagai orang2 yang terpenting dalam menjalankan tindakan2 bagi mengurangkan kemalangan jalan raya.

Shor Brunei supaya di-adakan propaganda yang berchorak pelajaran ada-lah satu chara yang baik untuk didekan mental masyarakat umum pada menyedari ancaman2 bahaya di-jalan raya pada sa-tiap hari. Kebanyakan orang lalai apabila mereka berada di-jalan raya, lebeh2 lagi apabila mereka dalam keadaan2 yang terdesak sa-umpama kepindekan masa. Kanak2 sekolah merupakan satu bebanan yang amat berat untuk mengawal mereka supaya tidak berkelakuan yang terkeluar dari tata-tertip di-jalan raya. Pemandu2 kenderaan tidak semua-nya yang boleh mengawal diri mereka dari mematohi undang2 sekali pun mereka mempunyai lisen memandu yang sah. Ini ada-lah banyak sekali bergantung kepada kekuatan chara fikir mereka. Gejala2 yang sa-umpama ini-lah yang banyak mendatangkan kemalangan di-jalan raya.

Mengadakan propaganda yang berchorak pelajaran ini tidak-lah berarti hanya semata2 di-tumpukan kepada sekolah2 dengan melalui didekan guru2 yang berpandukan kepada undang2 keselamatan jalan raya dan chara2 mengelakkan diri dari ancaman bahaya di-jalan raya, tetapi surat2 khabar dan radio juga mempunyai peranan yang penting bagi menyediakan ruangan2 pada membekalkan didekan mental masyarakat terhadap ancaman2 bahaya di-jalan raya. Iklan2 kecil untuk mengingatkan orang ramai sama ada yang berjalan kaki atau pun pemandu2 kenderaan, supaya sentiasa waspada dalam sa-tiap langkah dan sa-tiap roda mula berputar ada-lah lebeh mendatangkan kesan. Iklan2 kecil sa-umpama ini hendak-lah di-siarkan saban hari dengan melalui bahasa2 Melayu, China dan Inggeris dan jika mungkin dalam bahasa2 yang lain juga.

Langkah mengesan kesalahan2 jenayah di-jalan raya dengan chara yang lebeh berkesan ada-lah perlu di-laksanakan untuk memberantas perbuatan2 yang kejam dan tidak bertanggung-jawab.

BRUNEI tidak mengalami masalah2 bahasa seperti yang di-alamai di-Indonesia atau Tanah Melayu. Sejarah bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi di-negeri ini ada-lah sejarah yang tenteram sahaja. Hanya masalah2 kecil saja yang timbul sa-hingga kempen2 seperti Bulan Bahasa dianggap tidak mustahak. Semua golongan masyarakat Brunei terkecuali beberapa gelintir manusia — ada-lah menghormati kehendak bab bahasa dalam Perlembagaan. Masalah politik, perkauman tidak ada menghalangi perkembangan bahasa Melayu menuju ka-bahasa rasmi tunggal negeri ini.

Kalau pun ada masalah bahasa timbul di-negeri ini, ini ada-lah dari sudut teknik saja: Bagaimana supaya bahasa Melayu dapat di-pergunakan dalam segala lapangan dalam waktu yang sa-singkat2-nya. Itu saja soal-nya.

Sebab jika tiba saat-nya bahasa Melayu di-Brunei sudah dapat di-pergunakan dalam segala lapangan penghidupan, pada saat itu juga-lah raayat menchapai tujuan-nya dan akan menghendaki undang2 khas yang akan menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal negeri ini, dan tamat-lah riwayat masa peralehan yang juga membolehkan bahasa Inggeris di-pergunakan untuk maksud2 rasmi.

MEMILEH

Timbul sekarang persoalan-nya, bagaimana-ka jalan-nya supaya taraf keadaan tersebut terchapai sa-lekas mungkin? Dengan lain perkataan, apakah raayat Brunei dalam usaha-nya menchapai taraf yang di-idamkan itu sa-lekas mungkin, ia harus menoleh ka-Tanah Melayu saja sa-bagaimana hal-nya sampai sekarang, atau-ka lebeh baik ia menoleh ka-Indonesia atau sa-bagai kemungkinan ketiga ia berjalan antara Indonesia dan Tanah Melayu? Di-tilek dari sudut teknikal tidak susah kira-nya memberikan jawapan tegas atas pertanyaan ini.

Kita tentu-lah memileh barang yang paling sempurna diantara tiga barang yang satu-nya sempurna dan yang dua lagi kurang sempurna. Dari sudut teknikal dan penggunaan bahasa, bahasa Indonesia dapat di-katakan sudah sempurna sebab bahasa Indonesia sekarang sudah dapat di-pergunakan dalam segala lapangan dan telah memenuhi syarat2 penggunaan2 bahasa itu. Jadi kalau kita kira-nya menoleh ka-bahasa Indonesia, maka kemungkinan2 yang terbuka kepada kita jauh lebeh besar daripada kemungkinan2 yang terdapat sekarang. Hanya tinggal seka-

MASA PERALEHAN BAHASA MELAYU

OLEH:

MAHMUD HAJI BAKYR,

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, BRUNEI.

rang persoalan bagaimana mempergunakan kemungkinan2 itu sa-chara sa-ratus peratus. Ini tergantung-lah kepada kemahuan kita sendiri. Jalan-nya terbuka, bahan dan alat-nya ada dan dapat kita jangkau. Kalau kita bergiat betul, kemungkinan2 itu akan dapat memperlempapkan bahasa Melayu kita di-negeri ini dengan chepat sa-hingga dalam dua tahun umpama-nya perbendaharaan kata2 bahasa kita sudah lengkap dan kita dapat mempergunakan-nya dalam semua lapangan termasuklah lapangan ilmu pengetahuan.

PERBENDAHARAAN

KATA2

Dalam usaha kita memperlempapkan bahasa Melayu, kita sebut tadi faktor perbendaharaan kata2. Memang faktor ini-lah yang penting sedangkan faktor2 ejaan, tata-bahasa dan gaya tidak-lah perlu kita kaji lebeh panjang. Cukup di-terangkan di-sini bahawa faktor2 ejaan, tata-bahasa dan gaya tidak-lah menjadi soal. Soal tata-bahasa tidak perlu menjadi masalah kerana tata-bahasa Melayu dan Indonesia boleh di-bilang sama saja. Soal gaya ada-lah terpujang kepada kita kerana kita tak perlu menurut mana2 pihak pun. Dan mengenai ejaan pula, soal ini dapat di-robah atau di-pinda menurut kemahuan kita tanpa memakan waktu yang panjang.

Jadi yang menjadi masalah sa-benar-nya dalam usaha kita tersebut, hanya-lah soal perbendaharaan kata2 itu. Malah yang membuat Perlembagaan kita sekarang memasukkan masa peralehan dalam Bab 82 itu, kira-nya ia-lah kerana perbendaharaan kata2 yang ada sekarang belum cukup untuk memperkayakan bahasa itu dalam segala lapangan, dan bukannya kerana ejaan atau pun tata-bahasa dan gaya bahasa kita itu "tidak mampu" atau "tidak sesuai".

Perlembagaan kita tidak ada menyebut tarikh untuk menjadikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi tunggal di-negeri ini. Hal ini boleh menguntungkan dan boleh juga merugikan kita.

Segala sa-suatu tergantunglah pada sikap dan kemahuan

kita. Kalau kita tegas dan giat, maka ketiadaan tarikh itu akan menguntungkan kita sebab dari sudut teori-nya kita dapat menchapai maksud kita dalam enam bulan saja umpama-nya, akan tetapi sa-balek-nya kalau kita tidak giat dan tegas maka sa-chara teori pula maksud itu mungkin baru terchapai dalam tempoh sa-puluh atau dua puluh tahun, sebab tidak ada undang2 yang menghadkan masa peralehan itu.

TARIKH PERASMIAN

Di-negeri Brunei ini, yang Perlembagaan-nya tidak ada menyebut tarikh untuk menjadikan bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi tunggal, kita harus-lah lebeh bijaksana dan lebeh tegas dan giat. Kalau tidak, tentu masalah bahasa di-negeri ini akan bersifat bertele2 pula.

Nasib kita tidak-lah boleh kita gantungkan pada sa-suatu yang tidak pasti, yang belum tentu rupa-bentuk-nya, yang belum konkrit. Apa lagi kalau kita fikirkan bagaimana nanti hendak memberikan peluang kepada lulusan2 Sekolah Menengah Melayu kita yang hendak melanjutkan pelajaran-nya ka-Fakulti2 Teknik, Kedokteran, Farmasi, Pertanian, Kejuruteraan dan fakulti2 sains lain-nya. Kalau kita sekarang bertindak chepat dan bijaksana serta bekerja dengan giat, maka kami perchaya masa peralehan tersebut akan dapat berakhir dalam satu-dua tahun ini dan dengan demikian bahasa Melayu kita akan menjelma sa-bagai bahasa rasmi tunggal dalam waktu yang sa-singkat2-nya.

Perbarisan perpisahan

BANDAR BRUNEI. — Askar Melayu Di-Raja Brunei akan mengadakan perbarisan selamat jalan bagi Sarjan Mejer Rejimen Kirkhope pada hari Juma'at 26 Jun di-Khemah Berakas.

Perbarisan itu akan di-adakan pada pukul 8.30 pagi dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan selaku Colonel-in-Chief telah berkenan untuk hadir di-upachara itu.

ISTIADAT MENGAGA'I

BANDAR BRUNEI. — Istiadat Mengaga'i bagi Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail telah diadakan di-Lapau Bandar Brunei pada tengah hari Sabtu 20 Jun.

Istiadat itu ada-lah sa-bagai persediaan bagi istiadat mengurniakan gelaran 'Cheteria' kepada Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Momin pada 25 Jun esok.

Pada sebelah pagi-nya istiadat mengaga'i bagi Kawang Limah binte Awang Besar juga telah diadakan di-Lapau.

Kawang Limah akan di-kurnikan gelaran 'Pehin' da-

lam satu istiadat yang akan diadakan pada 27 Jun ini.

Hadhir di-kedua2 istiadat pada hari itu ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2, Pehin2 dan pegawai2 kanan kerajaan.

Peladang2 lawat kolam ikan

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan ahli2 Persatuan2 Peladang Kampong Gadong Baru, Daerah Temburong telah melawat kolam ikan Jabatan Perikanan di-Sungai Jambu pada hari Isnin lepas.

Lawatan tersebut ada-lah sa-bagai menamatkan kursus yang di-anjorkan oleh Jabatan Pertanian sa-lama sa-minggu di-kampung mereka.

Sa-lain dari mengadakan ka-kolam itu, ahli2 persatuan peladang Kampong Gadong Baru itu juga telah melawat kapus2 pertanian Kilanas, pusat pertanian Sharikat Minyak Shell, Sinaut, dan ka-ladang ternakan di-Jerudong.

Gambar bawah menunjukan Awang Jusip bin Abu Bakar, sa-orang merinyu perikanan sedang memberi penerangan kepada ahli2 persatuan peladang itu mengenai dengan pemeliharaan ikan.




Kempen suntikan chegah kolera

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan sedang menjalankan kempen menyuntik penduduk2 di-ka-wasan Daerah Brunei-Muara untuk mencegah penyakit kolera.

Untuk memulakan kempen itu rombongan penyuntik jabatan itu telah menyuntik penduduk2 di kampung2 Saba Ujong, Saba Tengah, Saba Laut, Setia dan Sungai Kebun pada hari Isnin lepas.

Sa-buah kenyataan yang diterbitkan oleh Jabatan Perubatan berkata langkah menyuntik itu ada-lah perlu bagi mencegah ke-mungkinan berlaku semula penyakit itu di-negeri ini.

Kenyataan itu menyeru kepada orang ramai bersuntik bagi menjauhkan penyakit itu.



Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohammad Salleh bin Haji Masri (gambar atas) sedang berucap di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei bersempena dengan Hari Pelajar sekolah itu. Sementara gambar bawah menunjukkan sa-bahagian dari kaum ibu yang telah hadir di-majlis itu.



Kerajaan sentiasa memberi galakan bagi memperolehi latehan khas

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja Dato Setia Dr. P. I. Franks telah berkata, kerajaan ada-lah bermurah hati dalam memberi pertolongan bagi memperolehi latehan khas bagi kakitangan yang berkhidmat di-jabatan-nya.

Pehin Orang Kaya Laila Tabib berkata, ada banyak peluang sekarang bagi sa-tiap orang yang menunjukkan kebolehan bagi memperbaiki diri sendiri dan menunjukkan kecekapan yang perlu.

Beliau telah memberikan beberapa contoh pegawai2 yang telah belajar dengan rajin dan telah berjaya meninggikan pelajaran mereka.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan berkata demikian apabila beliau merasmikan pembukaan mashuarat agong Kesatuan Sekerja Pekerja2 Pejabat Perubatan dan Kesihatan Kerajaan Brunei di-Dewan Asrama Jurawat di-Bandar Brunei pada hari Ahad lepas.

Turut berucap di-majlis pembukaan itu ia-lah Yang Di-Pertua Kesatuan itu, Pengiran Mohiddin bin Pengiran Tajuddin dan Awang Manggong bin Jambol yang berucap bagi pihak Pesuruhjaya Buruh.

Chawangan

Pejabat Daerah

di-Muara di-tutup

ADA-LAH dengan ini di-maklumkan bahawa chawangan Pejabat Daerah Brunei-Muara bertempat di-Pekan Muara telah di-tutup dan pegawai2-nya telah di-tugaskan di-Pejabat Daerah Brunei-Muara di-Bandar Brunei.

Semua urusan2 yang hendak di-tujukan ka-penduduk2 Pekan Muara hendak-lah di-alamatkan di-Pejabat Daerah Brunei-Muara, Bandar Brunei.

Penghulu2 dan Ketua2 Kampung akan dirikan pintu gerbang

BANDAR BRUNEI. — Penghulu2 dan Ketua2 Kampung di Daerah Brunei-Muara akan mendirikan sa-buah pintu gerbang sementara sempena merayakan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-24 tahun dan memperingati hari perkahwinan Di-Raja di-antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zariah.

Keputusan ini telah di-ambil dalam satu mashuarat penghulu2 dan ketua2 kampung yang telah berlangsung di - Dewan Kemasyarakatan

Peraduan berchuchol dan pintu gerbang hari keputeraan

BANDAR BRUNEI. — Peraduan berchuchol menggunakan lampu2 letrik bagi rumah2 kedai2 dan bangunan2 sharikat perniagaan di-Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan bulan hadapan, sa-bahagian dari achara kerana menyambut ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-24 tahun.

Sa-orang juruchakap jawatan2 kuasa peraduan berchuchol berkata, peraduan itu ada-lah bagi bangunan2 dan rumah2 di-Bandar Brunei; Jalan Subok; Jalan Tutong hingga ka-batu 10; Jalan Gadong hingga ka-Ibu Pejabat Pulis Di-Raja di-Gadong; di-sepanjang Jalan Berakas hingga ka-batu 6 dan Jalan Muara hingga ka-batu 7.

Peraduan itu akan di-bahagikan tiga bahagian ia-itu rumah2; kedai2 dan bangunan2 sharikat perniagaan.

Orang2 yang ingin menyertai peraduan itu tidak perlu memberitahu kepada jawatankuasa peraduan, tetapi mereka di-perlukan memasang chuchol di-tempat2 mereka pada tiap2 malam ia-itu dari 15 hingga 21 Julai dari pukul 7.00 malam hingga 12.00 malam.

Sementara itu peraduan pintu gerbang juga akan di-adakan dalam perayaan itu.

Peraduan itu, terbuka kepada persatuan2, badan2 perniagaan, pemborong2, jabatan2 kerajaan dan juga lain2 yang ingin mengambil bahagian.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Setia Usaha Pertandingan Pintu Gerbang dan Berchuchol, Bahagian Darat, Awang Asmat H. M. Salleh di-alamatkan Bahagian Bangunan, Jabatan Kerja Raya, Brunei pada waktu bekerja.

Bandar Brunei pada minggu lepas.

Mashuarat tersebut telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Dalam ucapan-nya di-majlis itu, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman berkata, sa-bagai memperingati kedua2 hari yang bersejarah itu, maka sudah sewajarnya-lah penduduk2 di-daerah ini mengambil sebarang daya usaha yang perlu.

Beliau juga menyeru orang ramai supaya bersuntik bagi mencegah penyakit kolera. Kerana, kata-nya dalam masa menyambut hari2 keramaian itu nanti terdapat kumpulan ribuan manusia.

“Langkah ini perlu di-ambil bagi mencegah penyakit itu merebak semula di-negeri ini,” tegas beliau.

Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman berkata, Jabatan Perubatan dan Kesihatan sedang melancarkan kempen menyuntik bagi mencegah penyakit itu di-seluruh kawasan di-daerah ini.

Pegawai Daerah itu juga menyeru tuan2 punya rumah di-daerah ini terutama dalam kawasan bandaran supaya membersekan kawasan rumah mereka.

Kelas urusan rumah tangga

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Ikatan Setia Pahlawan — INSAP telah menubuhkan kelas urusan rumah tangga untuk ahli2 perempuan persatuan dan penduduk2 kampung tersebut.

Kelas tersebut di-bawah kelolaan Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa dan telah di-mulakan pada 20 Mei lepas.

Sementara itu pada awal bulan ini persatuan itu telah mengadakan majlis perpisahan bagi mengucapkan selamat belayar kepada tiga orang ahli-nya.

Dua orang melanjutkan pelajaran ka-Malaysia Barat dan sa-orang ka-United Kingdom.

BARANG2 MUZIUM BRUNEI.....10



Nama: Sulang.

Penerangan: Sulang tembaga ini ada-lah salah satu sulang yang chantek dan indah, dari segi ukiran dan pertukangan-nya di-simpan di-Muzium Brunei. Seluruh badan sulang ini di-liputi oleh ukiran bunga seperti “**Bunga Ayer Muleh**”, **Bunga Rampai**, **Bunga Kuning** dengan ukiran2 binatang seperti buaya, naga, ular, ayam dan ikan. Dengan keindahan ukiran bunga2 ini sudah membuktikan ketekunan, kehalusan dan kemahiran orang2 Melayu Brunei bertukang tembaga.

Sulang ini di-perchayai di-buat di-Brunei menilik dari gaya ukiran2 bunga dan binatang itu di-buat. Demikian juga terdapat bekas2 penuangan tembaga di-sulang ini sa-bagai salah satu tanda pekerjaan orang2 Brunei yang jarang terdapat pada barang2 tembaga buatan luar negeri. Sulang pada umom-nya ada-lah **budai** (tanpa ukiran) di-gunakan untuk menyimpan ayer atau kadang2 menyimpan beras, berganteng kepada bentok sulang itu.

Pembikinan sulang ini di-seliputi dengan ukiran2 bunga dan binatang2 tidak membawa keperchayaan animisma kepada pembuat-nya kerana paling utama bagi tukang tembaga ia-lah untuk mendapat jualan yang memuaskan. Sementara puak2 di-pendalaman yang ada mempunyai keperchayaan animisma menghargai barang2 berukir saumpama ini, kerana mereka kadang2 menggunakan barang2 ini dalam adat2

istiadat tertentu mereka. Per-kara ini dapat kita lihat kerana banyak barang2 berukir indah seperti ini di-dapati di-daerah2 pendalaman yang bukan di-diami oleh orang2 Melayu.

Sulang ini di-beli dalam tahun 1967 di-luar negeri.

Sukatan: Lebar tudung 8”.

Lebar badan 11½”.

Tinggi 21½”.

148 orang masok pereksa trengkas dan menaip

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 139 orang pelajar trengkas dan menaip, pada minggu lepas mengambil peperiksaan di-Sekolah Melayu Pesar Ulak Bandar Brunei.

Empat puluh sembilan dari mereka mengambil peperiksaan trengkas, ia-itu 27 peringkat permulaan, 13 menengah dan 9 tertinggi.

Sa-ramai 90 orang lagi mengambil peperiksaan menaip, 47 peringkat permulaan; 25 menengah dan 18 tertinggi.

Sementara itu 9 orang lagi penuntut trengkas dan menaip, telah mengambil peperiksaan di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin' Kuala Belait pada hari yang sama.

Peperiksaan2 itu di-anjarkan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa. Brunei.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Juruteknik Makmal Perchubaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Juruteknik2 Makmal Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

a) Chalun2 yang di-kehendaki bagi jawatan ini hendak-lah sudah menchapai umur 17 tahun dan bukan-nya 25 tahun, Mereka mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.

b) Mereka hendak-lah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut.

c) Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang mendapat kepujian dalam Ilmu Sain dan/atau Ilmu Hisab.

Tingkatan Gaji:

Juruteknik Makmal Perchubaan \$210 x 10 — 260/EB/270 x 15 — 360.

Juruteknik Terlatah — \$280 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620.

Juruteknik Makmal Kanan — \$660 x 30 — 900.

Ketua Juruteknik Makmal — \$930 x 30 — 1050/EB/1080 x 30 — 1200.

Pemohon2 yang terpilih akan di-lantek dalam perchubaan selama tiga tahun sa-bagai Juruteknik2 Makmal Perchubaan, dan juga akan di-hantar ka-seberang laut bagi menjalani latehan.

Juruteknik2 Makmal Perchubaan akan di-kehendaki lulus semua perepeksaan semasa mereka dalam kursus latehan sewaktu dalam perchubaan.

Perchubaan2 yang:

a) telah lulus perepeksaan terakhir, dan

b) telah di-sokong oleh Ketua Pejabat mereka akan berhak di-

Penghantar Saman

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berkhidmat dalam jawatan tetap bagi memenohi jawatan sa-bagai Penghantar Saman di-Pejabat Tanah, Temburong.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB3 — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 1 Julai, 1970.

tetapan sa-bagai Juruteknik Makmal Terlatah.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Julai, 1970.

Merinyu Kesihatan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Merinyu Kesihatan Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah sudah menchapai umur 18 tahun dan bukan-nya 25 tahun, dan mereka mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.

Mereka mesti-lah telah lulus perepeksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Sain atau Sain 'Am. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang boleh menulis dan berchakap Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB2 — \$210 x 10 — 260/EB/270 x 15 — 360.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalun2 yang terpilih akan di-lantek dalam perchubaan selama 3 tahun dan dalam waktu itu mereka hendak-lah mendapatkan Sijil The Royal Society of Health. Chalun2 akan di-hantar berlatah di-Singapura atau Malaya di-atas perbelanjaan Kerajaan.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 1 Julai, 1970.

Sa-bagai Serang

di-Jabatan Laut

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berkhidmat dan berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Laut, Brunei.

(a) SERANG TINGKAT I (1 kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

i) Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 26 tahun dan mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman di-laut yang mana 4 tahun sekurang2-nya sebagai Serang Tingkat II.

ii) Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Kecekapan sa-bagai Master Coastal Trade Ship atau Mate Local Trade Ship.

iii) Pemohon2 mesti-lah berpengalaman membawa kapal2 bermotor single dan twin screw panjang sa-hingga 100 kaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D3 — \$380 x 20 — 480.

(b) SERANG TINGKAT II (2 kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

i) Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 22 tahun dan mempunyai sekurang2-nya 6 tahun pengalaman di-laut yang mana 2 tahun sekurang2-nya ada-lah sa-bagai Kelasi Tingkat I (Deck).

ii) Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Kecekapan sa-bagai Mate Coastal Trade Ship.


Gaji:

Dalam sukatan gaji E2 EB3 — \$240 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 1 Julai, 1970.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



JAWATANKUASA TERTINGGI PERAYAAN PERKAHWINAN DI-RAJA DI-BENTOK

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah Jawatankuasa Tertinggi untuk menyelenggarakan perayaan istiadat perkahwinan diraja di-antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zariah telah di-bentok.

Jawatankuasa yang di-anggotai oleh Yang Amat Mulia Cheteria2, Yang Di-Muliakan Pehin2, Pengiran2 serta pegawai2 kanan kerajaan itu di-pengerusikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Pengawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman di-lantek sa-bagai Setia Usaha Jawatankuasa tersebut.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha Muda Haji Mohammad Alam, serta lima orang Cheteria telah di-lantek sa-bagai penasihat jawatankuasa tersebut.

Mereka ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Y.A.M. Pengiran Perdana Cheteria Laila Di-Raja Sahibul Nabalah Pengiran Anak Haji Khamis, Y.A.M. Pengiran Paduka Tuan Sahibul Karib Pengiran Haji Abu Bakar, Y.A.M. Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Mohd. Yusof dan Y.A.M. Pengiran Maharaja Setia Laila Di-Raja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Penaong Jawatankuasa Tertinggi itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Abdul Rahman Piut.

Jawatankuasa yang meliputi Adat Istiadat, kelengkapan dan perhiasan dalam Istana, hiburan, keamanan, kenderaan, jamuan dan perarakan juga telah di-bentok.

Jawatankuasa Gendang Jaga-Jaga dan Perhiasan Di-Raja di-pengerusikan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela Dato Seri Setia, Awang Haji Mohd. Yusof dan Pengiran Kamaluddin bin Pengiran Haji Metassan sa-bagai Setia Usaha-nya.

Pegawai2 Daerah Brunei-Muara, Belait, Tutong, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Yang Di-Pertua MBB dan Awang Mohd Sum Hashim telah di-lantek untuk menguruskan persembahan hiburan.

Jawatankuasa Al-Quran Nashid dan Zikir di-pengerusikan oleh Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah.

Jawatankuasa Pehawai—Y.B. Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Setia Awang Haji Mohd Noor bin Pehin Laksamana Awang Haji Abd. Razak — Pengerusi dan Pengiran Kamaluddin bin Pengiran Haji Metassan — Setia Usaha.

Pengerusi2 dan Setia Usaha dalam lain2 jawatankuasa ada-lah seperti berikut:

Jawatankuasa Keamanan Dalam Kawasan Istana — Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Jawatankuasa Kenderaan — Pengarah Kerja Raya, Dato Paduka Awang R. D. Waddell.

Jawatankuasa Ramuan dan Jamuan — Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Taha, dan Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof sa-bagai setia usaha.

Jawatankuasa Perarakan — Dato Seri Laila Jasa Awang C. T. Miller.

Jawatankuasa Kelengkapan dan Perhiasan Istana — Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman dan Awang Haji Talib bin Derwish sa-bagai setia usaha.

Jawatankuasa Penyambut Tetamu — Pengiran Kamaluddin bin Pengiran Haji Metassan.

Jawatankuasa Penerangan dan Perhubungan — Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman.

Jawatankuasa Jemputan, Perarakan dan Kedudukan — Yang Amat Mulia Pengiran Pengawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh.

Jawatankuasa Do'a — Yang Di-Muliakan Pehin Dato Seri Maharaja Dato Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz.

Jawatankuasa itu telah merancang perayaan selama dua minggu bagi meraikan perkahwinan di-raja itu.

Perayaan itu akan di-mulakan pada 1 Julai apabila Istiadat membuka Gendang Jaga-Jaga di-langsungkan di-Istana Darul Hana.

Mulai hari itu juga pekerjaan Istana Darul Hana akan di-buka kepada orang ramai untuk menyaksikan serba aneka persembahan mulai 8.00 malam.

Istiadat Perkahwinan Di-Raja akan di-langsungkan di-Istana Darul Hana pada hari Khamis 9 Julai.



Dari kiri ka-kanan, Awang A. J. Shaibani (Dubai); Awang A. B. Nuthay (Mauritius); Pengiran Ali bin Pengiran Osman (Brunei); Awang S. Aralikatti (India).

\$200.00 derma dari J/K Tabong Anak2 Yatim

BANDAR BRUNEI. — Jawatankuasa Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei-Muara telah mendermakan wang sa-banyak \$200.00 kepada keluarga Allahyarham Awang Damit bin Momin.

Derma tersebut telah di-sampaikan oleh Setia Usaha Jawatankuasa itu, Pengiran Haji Abas bin Pengiran Haji Besar kepada isteri Allahyarham itu, Dayang Bongso bin Menuddin di-rumah-nya di-Kampung Pandai Besi.

Terdahulu dari itu, Persatuan China Brunei juga telah menderma wang sa-banyak \$200.00 kepada anak2 Allahyarham itu.

Wang tersebut telah di-sampaikan oleh Yang di-Pertua Persatuan itu, Awang Chua Kong Heng.

Awang Damit sa-orang pekerja Jabatan Kerja Raya telah di-jumpai terbunuh dalam bulan lepas. Mayat-nya telah di-jumpai terapong di-Sungai Brunei sa-lepas Allahyarham itu di-laporkan hilang pada 25 Mei.

Keluarga Allahyarham itu juga telah menerima derma beras sa-banyak 39 gantang dan tiga peti susu dari Palang Merah dalam minggu ini.

Derma tersebut ada-lah yang kedua dari Palang Merah yang terdahulu dari itu telah mendermakan wang tunai sa-banyak \$100.00 kepada keluarga Allahyarham Awang Damit itu.

Gambar bawah menunjukkan Pg. Haji Abas sedang menyampaikan cek yang berharga \$200.00 kepada Dayang Bongso. Gambar BP/JHEU.



Pengiran Ali lulus ujian kelayakan

LONDON. — Pegawai2 Pentadbir Rumah Sakit dari Afrika, Timor Tengah, India, kepulauan India Barat dan Hong Kong yang sedang menuntut di-Maktab City of Westminster, London ia-lah tetamu2 bahagian antara bangsa Johnson & Johnson berhad dalam satu sidang atas tajok pembahagian barang2 makanan untuk rumah2 sakit.

Pembahagian barang2 makanan itu yang menjadi tajok utama persidangan tersebut ada-lah berkisar kepada pembahagian buah2an dan makanan jenis bijian2 yang di-perlukan oleh pesakit2.

Pengiran Ali bin Pengiran Osman dari Brunei turut juga di-undang untuk menghadiri sidang itu.

Pengiran Ali yang di-hantar oleh Kerajaan untuk menuntut bagi mendapatkan diploma pentadbiran rumah sakit telah pun lulus dalam peperiksaan ujian kelayakan bagi membolehkan beliau meneruskan pelajaran untuk diploma tersebut.

Maktab City of Westminster mengelolakan kursus diploma untuk mengeluarkan pegawai2 pentadbir rumah sakit yang berkecualan dari negara2 sa-berang laut. Kursus itu di-jalankan sa-lama 2 tahun. Disamping diploma, penuntut2 yang lulus akan juga di-beri sijil khas dari Yayasan Pegawai2 Pentadbir Rumah Sakit.

Dalam sidang itu, penuntut2 tersebut telah juga menyaksikan pertunjukan wayang gambar dan mengikuti kuliah2 dari pensharah2 khas.

Sa-lepas persidangan itu, penuntut2 tersebut telah menghadiri satu jamuan di-bilek mashuarat Pertubuhan Kesihatan Diraja di-mana gambar di-atas di-abadikan.